



KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT BERHUBUNG VIDEO TULAR MELIBATKAN PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH KULAI

PUTRAJAYA, 21 Ogos 2026 – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengambil maklum mengenai kandungan sebuah video yang tular di media sosial yang memaparkan dakwaan terhadap Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kulai berkaitan kehadiran seorang individu bersama anak-anaknya ke pejabat berkenaan.

Sehubungan dengan itu, JKM ingin menjelaskan bahawa berdasarkan semakan dan maklumat yang diterima daripada PKMD Kulai, kehadiran individu tersebut adalah bagi menghadiri temubual dengan Pegawai JKM bagi tujuan penyediaan laporan yang diarahkan oleh Mahkamah, dan bukan sebagaimana yang didakwa atau digambarkan dalam video berkenaan.

JKM memandang serius penyebaran maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap kerana perkara tersebut boleh menimbulkan salah faham serta persepsi yang tidak tepat terhadap Jabatan dan pegawai-pegawai yang melaksanakan tugas rasmi. JKM sentiasa komited dalam memastikan setiap tindakan yang diambil oleh pegawai dilaksanakan secara profesional, berintegriti serta selaras dengan tanggungjawab, peruntukan undang-undang dan prosedur yang berkuat kuasa.

Dalam hal ini, JKM menasihatkan orang ramai agar tidak membuat kesimpulan berdasarkan kandungan media sosial yang belum disahkan kesahihannya serta tidak menyebarkan semula maklumat yang boleh mengelirukan masyarakat atau menjejaskan pihak-pihak yang terlibat.

JKM juga menyeru orang ramai mendapatkan penjelasan daripada sumber rasmi sekiranya terdapat sebarang persoalan berkaitan perkhidmatan atau tindakan yang dilaksanakan oleh JKM.

JKM kekal komited untuk melaksanakan amanah dengan profesional, berintegriti dan berteraskan kepentingan terbaik kanak-kanak serta kesejahteraan masyarakat.

##TAMAT##

**DIKELUARKAN OLEH:
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
21 OGOS 2026**